

Pembudayaan *Lepa* dan *Sambulayang* dalam Kalangan Suku Kaum Bajau di Semporna, Sabah, Malaysia: Satu Penelitian Semula

ABSTRAK:

"Lepa" dan "Sambulayang" merupakan dua ikon yang tidak dapat dipisahkan dengan suku kaum Bajau di Semporna, Sabah, Malaysia. Pada bulan April setiap tahun, para penduduk – termasuk pelancong dari dalam dan luar negara – berpeluang untuk menyaksikan sendiri keunikan kebudayaan suku kaum Bajau tersebut yang diterjemahkan melalui "Regatta Lepa" yang juga dikenali sebagai "Pesta Sambulayang" dan disinonimkan dengan kebudayaan kaum Bajau Laut. Walau bagaimanapun, tanggapan dan tafsiran tersebut nampaknya kurang disenangi oleh sesetengah suku kaum Bajau lain (Bajau Darat) yang mendakwa bahawa budaya "Lepa" dan "Sambulayang" sebenarnya bukannya warisan Bajau Laut tetapi milik kaum Bajau Darat (Bajau Kubang). Oleh itu, makalah ini bertujuan untuk menilai sejauhmana benarnya budaya "Lepa" dan "Sambulayang" adalah warisan kaum Bajau Laut atau sebaliknya, iaitu suku kaum Bajau lain di Semporna seperti Bajau Kubang, Bajau Ubian, Bajau Sengkuang, Bajau Sampulna, dan Bajau Simunul. Persoalan kedua ialah apakah budaya "Sambulayang" adalah warisan Kesultanan Sulu; dan persoalan ketiga ialah mengapakah berlakunya kesilapan oleh para pengkaji dan masyarakat umum dalam membuat tafsiran terhadap "Lepa" seperti yang diungkapkan dalam peribahasa Melayu yang berbunyi "sapi punya susu, lembu dapat nama". Kajian ini penting untuk menjawab persoalan di atas dan sekaligus memperbetulkan semula pemahaman dan tanggapan masyarakat terhadap "Lepa" dan "Sambulayang" di Sabah.

Kata-kata kunci: Proses pembudayaan, *Lepa* dan *Sambulayang*, suku kaum Bajau, kesilapan para pengkaji, dan penelitian semula.

PENDAHULUAN

Semporna, yang dahulunya dikenali sebagai "Tong Talun" dalam bahasa Bajau yang membawa maksud "hujung hutan", merupakan sebuah daerah dalam bahagian Tawau yang cukup sinonim dengan petempatan suku kaum Bajau di Sabah. Berdasarkan kepada lagenda Bajau, gelaran "Tong Talun" ini telah diberikan oleh tiga orang pembesar Bajau Kubang, iaitu Panglima

Prof. Madya Dr. Ismail Ali ialah Pensyarah Kanan dan Ketua Program Sejarah, Sekolah Sains Sosial UMS (Universiti Malaysia Sabah), Jalan Beg Berkunci No.2071, 88999 Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia. Alamat emel beliau adalah: ismailrc@ums.edu.my

Uddang, Panglima Sallehangni, dan Panglima Sakti, disebabkan persekitaran Semporna pada masa itu ditumbuhi oleh hutan belantara.

Sebelum ditabdir oleh *British North Borneo Chartered Company* (BNBCC) pada tahun 1881, Semporna merupakan sebahagian daripada jajahan takluk Kesultanan Sulu yang diletakkan dalam wilayah pentadbiran Magindanao setelah berjaya membantu Kesultanan Brunei menumpaskan musuhnya di Pulau Chermin. Selepas tahun 1881, Semporna dan lain-lain wilayah Kesultanan Sulu di Borneo Utara telah diserahkan kepada BNBCC “untuk selamanya dan berkekalan”, dan nama “Tong Talun” telah ditukar kepada “Semporna” yang membawa maksud “tempat yang aman dan damai”, iaitu selepas British berjaya menumpaskan penentangan kaum Bajau Omadal pada pertengahan 1880-an dan dibuka secara rasminya pada 10 Mei 1887 oleh Gabenor Crocker.

Berdasarkan kepada teori-teori asal-usul suku kaum Bajau di Semporna dan Sabah nampaknya cenderung untuk mengaitkannya berasal dari Johor, tetapi diceritakan dalam pelbagai versi dan legenda. Contohnya, menurut Imam Malang Imam Jamlang (temubual di Pulau Omadal, Sabah, 15/3/2009) dan Haji Bokara (temubual di Pulau Bum-Bum, Sabah, 14/3/2009), suku kaum Bajau di Sabah adalah berasal dari Johor. Sultan Mahalikul Alam yang memerintah Johor mempunyai seorang puteri bernama Siti Zairan Kebaran yang cukup terkenal dengan kejelitaannya dan telah menarik minat dua orang adik-beradik dari Sulu, iaitu Haklum Nuzum dan adiknya, Seliangaya Bungsu. Untuk berlaku adil, maka Sultan Mahalikul Alam telah mengadakan pertandingan lumba perahu antara dua adik-beradik ini, yakni belayar ke Pulau Angsa yang terletak di perairan Johor dan sesiapa yang memenangnya akan dikahwinkan dengan Puteri Siti Zairan Kebaran. Dalam perlumbaan tersebut, layar perahu milik Seliangaya Bungsu telah patah dan tewas dalam pertandingan. Disebabkan kegagalan tersebut, beliau telah bertekad untuk tidak pulang ke Johor dan meneruskan pelayarannya sehingga tiba di Pulau Sambuanga, di selatan Filipina.

Menurut legenda tersebut, Seliangaya Bungsu telah menetap dan berkahwin dengan seorang wanita di Pulau Sambuanga dan dianugerahkan dua orang cahaya mata, iaitu lelaki dan perempuan. Adalah dipercayai kedua-dua orang anak tersebut telah melakukan hubungan sumbang dan perkara tersebut diketahui oleh Saliangaya Bungsu. Seliangaya Bungsu berasa malu lalu membawa diri belayar mencari ketenangan dan singgah di Pulau Omadal (Omaral) dan dipercayai keturunannya berkembang di Pulau Omadal dan seterusnya berpindah di kawasan persekitaran, terutamanya ke Pulau Bum-Bum, terletak berhadapan dengan tanah besar Semporna dan tempat mereka berhimpun itu dinamakan Kampung Kubang, yang bermaksud berhimpun atau berkumpul, yang akhirnya mewujudkan satu etnik Bajau pertama di Semporna yang menetap di darat yang dikenali sebagai Bajau Kubang, Bajau Sampulna (Semporna), dan Bajau Darat (*Land Bajau*).

Sebagai kaum yang bersejarahkan dan berlatarkan laut, maka adalah tidak keterlaluan untuk dikatakan bahawa perahu merupakan simbol dan lambang

keagungan *survival* dan warisan budaya bangsa Bajau yang tidak boleh dipisahkan dengan suku kaum Bajau. Sejak pemerintahan Kesultanan Sulu hingga kini, perahu – atau dalam bahasa Bajau disebut sebagai *lepa* dan *bayanan* – bukan sahaja berperanan sebagai alat untuk tujuan berdagang, menangkap hasil-hasil laut, dan perhubungan (pengangkutan) tetapi juga sebagai tempat kediaman, terutamanya suku Bajau Laut (*Palauh*), lambang, status, dan identiti suku kaum Bajau di Semporna.

KERANGKA PENELITIAN

Terdapat pelbagai jenis dan rekabentuk perahu yang dihasilkan oleh suku kaum Bajau di Semporna seperti *biruk*, *sapit*, *boggo* (*katig*), *lepa*, dan *kumpit*. Daripada jenis-jenis perahu yang telah dinyatakan di atas, perahu yang dikenali sebagai *lepa* nampaknya telah berjaya mengangkat mertabat suku kaum Bajau di Semporna ke peringkat kebangsaan, malah ke persada antarabangsa apabila perahu ini telah dinobatkan sebagai warisan kebudayaan dan dijadikan sebagai produk pelancongan melalui *Regatta Lepa* yang diadakan pada bulan April setiap tahun oleh kerajaan Sabah. Melalui *regatta* ini, para pengunjung dari dalam dan luar negara berpeluang untuk menyaksikan kebudayaan suku kaum Bajau dan keunikan ukiran *lepa* yang dihiasi dengan layar (*lamag bua'an*) berwarna-warni yang dikenali sebagai *sambulayang*, dan bendera kecil yang dikenali sebagai *lamag tapis-tapis* dan diiringi dengan irama muzik dan tarian suku kaum Bajau, iaitu *igal-igal* atau tarian *mengalai*. Sejak pemerintahan Kesultanan Sulu hingga kini, Semporna merupakan sebuah daerah yang majoriti penduduknya adalah terdiri daripada kaum Bajau yang mempunyai pelbagai suku seperti Bajau Kubang, Bajau Ubian, Bajau Sengkuang, Bajau Sampulna, dan Bajau Simunul, dan terkenal dengan budaya *lepa* dan *sambulayang*.


Berdasarkan kepada pemahaman dan tafsiran masyarakat umum pada hari ini, budaya *lepa* dan *sambulayang* nampaknya cukup sinonim dengan suku Bajau Laut. Dalam erti kata lain, budaya *lepa* dan *sambulayang* adalah milik Bajau Laut dan bukannya suku kaum Bajau yang lain. Tanggapan sedemikian rupa ini berlaku disebabkan majoriti kaum Bajau Laut dipersekitaran perairan Semporna nampaknya masih lagi membudayakan perahu sebagai *centre of life* berbanding dengan lain-lain suku kaum Bajau lain yang telah mula menetap di daratan.

Dewasa ini, terdapat beberapa kajian dan penulisan telah dijalankan oleh para sarjana mengenai sejarah, kebudayaan, kesenian, dan perubahan sosial suku kaum Bajau mengikut disiplin ilmu masing-masing, seperti David Edward Sopher (1965), Francis James Warren (1972, 1981, 2000, dan 2002), Carol Warren (1983), Yap Beng Liang (1993), Clifford Sather (1997), Gunsi Saat (2008), dan lain-lain lagi. Berdasarkan kepada kajian dan penulisan tersebut nampaknya cenderung untuk bersetuju bahawa *lepa* dan *sambulayang* adalah warisan satu suku kaum Bajau, iaitu Bajau Laut.

SEPINTAS LALU PEMBUATAN *LEPA* DAN *SAMBULAYANG*

Pada kebiasaannya, *lepa* diperbuat daripada sejenis kayu khas yang tahan di dalam air, dikenali sebagai *ubar suluk*, *urat mata*, *bulian*, *upil*, *kalahan*, *tambu*, *gagil*, *cengkering*, *selangan batu*, dan *seraya merah*. Daripada segi struktur binaannya adalah terdiri daripada tiga bahagian utama, iaitu bahagian bawah menjadi kerangka *lepa* yang disebut sebagai *ba'ul*, *panansaan*, *pakajjangan*, dan *pemalung*. *Panansaan* adalah merujuk kepada bahagian depan yang mengandungi *jungal*, *pelleh*, *buani-buani*, dan *torok* bermotifkan bunga *sumping dulau*. Keseluruhan bahagian ini memaparkan bentuk yang bermotifkan kepala udang galah dan *ambiran*, iaitu sejenis ikan paus yang memakan rumput rumputai. Sementara itu, *pakajjangan* adalah merujuk kepada bahagian tengah *lepa* yang terdiri daripada pangkah-kayu penyokong atau tiang menyokong *kajjang*. *Pemalung* pula adalah merujuk kepada bahagian belakang *lepa* yang mengandungi *sangah*. *Sangah* adalah tempat meletak pendayung dan *kalang dapol*, iaitu bahagian tempat duduk untuk si pengemudi dan *bansaan*.

Rajah 1:
Kerangka Utama *Lepa*




Sumber: Jabatan Kraftangan Sabah

Terdapat lima tingkat *satah* pada bahagian badan *lepa*. Bahagian bawah sekali, iaitu *ba'ul*, merupakan bahagian terpenting, manakala tingkat kedua ialah *penghapit*, dan tingkat ketiga pula *kapi-kapi*. Di tingkat keempat ialah *during-during*, dan tingkat kelima ialah *dinding angin*. Dari segi corak dan motif ukiran pula dapat dibahagikan kepada dua, iaitu motif dominan dan motif sekunder. Motif dominan adalah elemen dan bentuk keseluruhan *lepa* yang pada prinsipnya memaparkan satu bentuk kehidupan laut yang dikaitkan dengan udang galah dan ikan *ambiran*. Motif bahagian depan *lepa* pula menyerupai bahagian ikan yang sedang membuka mulut atau ternganga. Sementara itu, ciri-ciri bunga pada semua ukirnya juga menggambarkan ciri-ciri bahagian kepala udang galah dan bahagian belakang pula memaparkan ciri bahagian

ekor ikan *ambiran*. Dari segi motif ukiran sekunder pula adalah berkonsepkan tumbuh-tumbuhan menjalar seperti *sumping dulau* (bunga kunyit), *magsulap* (bersilang-silang), *kaloloh buta* (motif yang berulang-ulang), *sumping bahan* (sejenis hidupan laut seperti siput), *kambang tuli*, *gumbang-gumbang*, *tali-tali/kirai-kirai*, *kabuk-kabuk* atau *talum-talum* (berbentuk bulan sabit), *roti kalung* (separo bulat), dan *keladi biak*.

Rajah 2:
Tingkat Satah Lapa



Sumber: http://pkkmsabah.blogspot.com/2010/01/lepa-motif-struktur-dan-ragam-bentuk_15.html (9/10/2009).



Foto 1:
Rekabentuk *Lepa* Cantik di Pulau Bum-Bum, Semporna

Selain pertandingan *lepa*, *regatta* ini juga turut diserikan lagi dengan pelbagai aktiviti berkonsepkan maritim seperti “lumba kelle-kelle”, tarik tali perahu, renang, menangkap itik, pertandingan ratu *lepa*, acara kebudayaan, dan sebagainya. Kemeriahan *regatta lepa* ini juga turut diserikan dengan pelbagai iringan muzik, tarian *igal-igal*, dan lagu khas *regatta* iaitu:

Alami isab Regatta Lepa, malahat ta malahat Sampulna, hinang tahunan ba aheya, panimpunan banan lepa Aheka rusab ginisan lepa, bulih pinasil maka biasa sappit itu sab ba heya, aheka va tarua'na. C/O: Tipas-tipas panon panji aheya sambulayang maka salinggguruh, saluvang sangkil ninna, mapangah Iyana pakakas lepa, suli ta sab ba nionan lepa Iti bayanan saga mattoa, suvaiva ni kallogan heh ta manjari pusaka bangsa (Lawrence, 2010).

Pembudayaan *lepa* dalam *Regatta Lepa* adalah tidak lengkap tanpa dipasang dengan *sambulayang/sahm-booh-lah-yahng* (kain layar utama) atau *lamak bua'an*, layar kecil yang dikenali sebagai *kapi-kapi* (bendera kecil berbentuk segiempat) dan *kipas-kipas* (bendera perhiasan berbentuk segitiga). *Lamak bua'an* adalah lebih besar daripada *kapi-kapi* dan ianya mempunyai lekuk pada satu bahagian hujung yang menyerupai mulut ikan. Rekabentuk *sambulayang* berbentuk mulut ikan ini adalah diambil sempena nama sejenis ikan yang dipanggil ikan bebang. Layar yang dipanggil *lamak kapi* adalah lebih kecil dan berbentuk segiempat tepat. Kain untuk membuat layar ini selalunya daripada kain kapas sederhana tebal. Selain *regatta lepa*, *sambulayang* juga turut digunakan dalam pelbagai majlis rasmi seperti perkahwinan dengan iringan tarian (*igal*) *limbayan* dan *panansang* yang dikenali sebagai *Pangalay Pangantin*, khatam Al-Quran, kelahiran, kematian, dan menyambut kedatangan orang kenamaan.



Foto 2:
Pembuatan *Sambulayang* di Kg. Kabimbangan, Pulau Bum-Bum

PERBINCANGAN

Setelah meneliti semula penulisan para sarjana terdahulu, menemuramah beberapa orang Bajau Darat dan Bajau Laut, serta membuat pemantauan terhadap amalan dan pembudayaan *lepa* dan *sambulayang* dalam kalangan suku kaum Bajau di Semporna, maka kajian ini merumuskan bahawa *lepa* dan *sambulayang* bukannya warisan kaum Bajau Laut tetapi sebaliknya, iaitu warisan kaum Bajau Darat atau lebih tepatnya kaum Bajau Kubang yang berasal dari Pulau Omdal dan Pulau Bum-Bum. Persoalan pertama yang ingin dikaji di sini ialah sejauhmana benarnya budaya *lepa* dan *sambulayang* adalah warisan kebudayaan kaum Bajau Laut atau sebaliknya iaitu suku kaum Bajau lain di Semporna seperti Bajau Kubang, Bajau Ubian, Bajau Sengkuang, Bajau Sampulna, dan Bajau Simunul?

Berdasarkan kepada penelitian sejarah asal-usul suku kaum Bajau di Semporna dan lagenda Seliangaya Bungsu yang telah dijelaskan sebelum ini, jelas memperlihatkan bahawa budaya *lepa* dan *sambulayang* bukannya warisan kebudayaan kaum Bajau Laut, tetapi sebaliknya adalah warisan Bajau Kubang yang berasal dari Pulau Bum-Bum.



Foto 3:

Rekabentuk *Lepa* dan *Sambulayang* semasa Regatta *Lepa* di Semporna

Hal ini terbukti apabila sehingga kini, tukang *lepa* dan pembuat *sambulayang* adalah berasal daripada beberapa buah kampung di pulau Bum-Bum dan Semporna, seperti kampung Kabimbangan, Nusalalung, Sulabayan, Kabogan Laut, Tampi-Tampi, Larapan, Sumandeh, Sungai Nasib, dan Sum-Sum. Seperti yang telah dijelaskan sebelum ini, walaupun kebanyakan Bajau Kubang telah berpindah dari Pulau Bum-Bum ke tanah besar Semporna, namun Bajau Kubang ini masih lagi menjadikan laut sebagai teras kehidupan seharian mereka, termasuk membuat perahu untuk kegunaan sendiri dan dijual kepada

pemodal Cina untuk kegunaan Bajau Laut menangkap ikan dan mendaratkan hasil-hasil laut untuk keperluan penduduk dan buruh-buruh yang terlibat dalam ekonomi perladangan, pembalakan, dan perhutanan.

Menurut Haji Bokara Maharaja Onong (temubual di Pulau Bum-Bum, Semporna, 14/3/2009) dan Haji Musari Eddeh (temubual di Pulau Bum-Bum, Semporna, 14/3/2009), yang berpengalaman dalam sejarah asal-usul kaum Bajau dan pembuatan *lepa*, menyatakan bahawa kaum Bajau Laut yang tidak mempunyai sumber (kayu) untuk membuat *lepa* kerana sentiasa tinggal di laut atas sebab-sebab kepercayaan seperti akan ditimpa sakit dan malahpetaka jika tinggal di daratan.


Persoalan kedua ialah apakah budaya *lepa* dan *sambulayang* adalah warisan Kesultanan Sulu? Berdasarkan kepada catatan dan rekod daripada para pelayar dan pedagang awal Eropah semasa belayar dan singgah di Sulu pernah merekodkan akan kewujudan pelbagai nama dan rekabentuk perahu dan pemasangan bendera pada perahu yang digunakan oleh orang Bajau, Iranun, dan Balangingi di Kepulauan Sulu. Contohnya, Alexander Dalrymple (1808), seorang pegawai Syarikat Hindia-Timur British di Madras, dalam misi pelayarannya membina pos perdagangan di Pulau Balambangan pada tahun 1761 dan berdagang dengan wilayah-wilayah di pantai timur Sabah (Borneo Utara) dan wilayah-wilayah selatan Filipina yang ditadbir oleh Kesultanan Sulu, telah banyak membuat catatan dari atas dek kapalnya berhubung jenis dan rekabentuk perahu, adat dan budaya masyarakat setempat, kegiatan ekonomi seperti penyelaman mutiara dan tripang, penghasilan ikan masin dan ikan kering, perdagangan dan sebagainya namun tidak pernah mencatat perahu bernama *lepa*.

Berdasarkan kepada kajian dan penulisan yang dilakukan oleh Francis James Warren (1981, 2000, dan 2002) terhadap suku kaum Bajau di perairan Laut Sulu (selatan Filipina-Borneo) sebelum dan semasa Kesultanan Sulu melebarkan pengaruhnya ke Sabah, juga tidak pernah menyebut istilah *lepa* dan *sambulayang* dalam kajiannya. Contohnya, Francis James Warren (1981) dalam bukunya yang berjudul *The Sulu Zone* telah menyenaraikan nama, jenis, dan rekabentuk perahu yang pernah digunakan oleh suku kaum Bajau bersama kaum Iranun dan Balangingi untuk menjalankan aktiviti perdagangan, pemburuan hamba, perang, dan perikanan, dan sekaligus dijadikan tempat tinggal mereka termasuklah *lanong* (*joanga*), *garay* (*panco* atau *penjajap*), dan *salisipan* (*vinta*, *baroto* atau *kakap*). Walaupun terdapatnya penggunaan kain layar (*lamag*) pada tiang utama perahu, namun rekabentuknya adalah berbeza dengan *sambulayang* dan tiada rekod yang menyebutnya sebagai *sambulayang*.

Sementara itu, pembudayaan bendera sebagai lambang kebesaran Kesultanan Sulu boleh dikesan sejak pemerintahan keluarga Kiram sebagai *The Sultan of Sulu and The Sultan of Sabah*. Di bawah pemerintahan Kiram, pemakaian bendera atau lebih dikenali sebagai panji kerajaan bukan sahaja dibudayakan di istana Sultan tetapi juga dalam perahu perang yang dikenali sebagai *salisipan*.


Kewujudan panji kerajaan Sulu ini sendiri pernah direkodkan oleh Thomas Forrest (1792) semasa belayar dan singgah di Sulu yang berwarna merah dan bersimbolkan beberapa ikon seperti keris (*kris*) yang melambangkan keagungan dan ketinggian darjat keluarga Kiram, *barung* yang mewakili keluarga Shakirullah, dan *bujak* untuk mewakili keluarga Maharajah Adinda.

Rajah 3:
Rekabentuk *Barangayan*



Sumber: Francis James Warren (1981).

Rajah 4:
Pemasangan Panji Kerajaan Sulu dalam Perahu Perang (*Salisipan*)



Sumber: Francis James Warren (1981:179).


Berdasarkan kepada perbandingan antara panji Sulu dengan *sambulayang* yang dihasilkan oleh suku kaum Bajau di Semporna pada hari ini menunjukkan wujudnya beberapa persamaan pada warna dan simbol yang digunakan, iaitu berwarna merah dan menggunakan simbol keris dan corak tumbuhan liar.

Foto 4:
Kain Sambulayang



Sumber: Haji Musari Eddeh, Kampung Kabimbangan, Pulau Bum-Bum, Semporna

Rajah 5:
Panji Kesultanan Sulu



Sumber: http://www.royalpanji.net/sulu_sultanate_flags - 4.html (9/10/2009)

Foto 5:
Motif Tumbuhan Liar pada *Sambulayang*



Sumber: Haji Musari Eddeh, Kampung Kabimbangan, Pulau Bum-Bum, Semporna.

Rajah 6:
Motif Tumbuhan Liar pada Panji Kesultanan Sulu



Sumber: http://www.royalpanji.net/sulu_sultanate_flags_-_4.html (9/10/2009)

Persoalan ketiga ialah mengapakah berlakunya kesilapan tanggapan dan pemahaman para sarjana dan awam terhadapnya sehingga menyebabkan

“sapi punya susu, lembu dapat nama” adalah disebabkan oleh kegagalan membezakan pemakaian istilah *lepa* mengikut perubahan masa dan transformasi sosial kaum Bajau Kubang dari laut ke tanah daratan berbanding kaum Bajau Laut yang majoritinya masih tinggal dalam perahu dan bot atau rumah di atas air.

Clifford Sather (1997), yang menjalankan kajian dan penulisan tentang Bajau Laut dalam bukunya yang berjudul *The Bajau Laut: Adaption, History, and Fate in a Maritime Fishing Society of South-Eastern Sabah*, telah menggunakan sepenuhnya istilah *lepa* untuk merujuk kepada perahu dan bot yang digunakan oleh kaum Bajau Laut sebagai tempat kediaman di perairan Sabah sejak pentadbiran British hingga kini. Apa yang jelas, istilah *lepa* yang dirujuk oleh Clifford Sather sebenarnya bukanlah *lepa* seperti yang difahami pada hari ini, tetapi hanyalah sebuah bot biasa yang dalam bahasa Bajau Laut disebut sebagai *lanca*, dan dilengkapkan dengan injin dalam.

Sejarah perkembangan dan evolusi *lepa* dalam pengertian biasa kepada *lepa* dalam pengertian yang lebih kompleks dan lebih terfokus sepertimana yang difahami pada masa kini dapat dibahagikan kepada tiga fasa. Fasa pertama adalah merujuk kepada sejarah awal *lepa* sepertimana yang difahami pada masa kini pada peringkat awalnya, iaitu semasa Semporna ditadbir oleh Kesultanan Sulu. Dalam fasa ini, pembuatan *lepa* adalah dalam bentuk yang mudah sahaja, iaitu menggunakan sebatang kayu yang ditebuk pada bahagian tengahnya yang disebut *boggo* kecil dan digunakan secara meluas untuk tujuan perikanan, aktiviti perdagangan, dan pengangkutan laut antara pulau dan pulau-daratan oleh orang Bajau yang digelar sebagai orang Timbun Mata, orang Larapan, orang Omadal, orang Temanggung dan orang Nusalalung.

Apabila Semporna ditadbir oleh BNCC, bermula secara rasminya pada tahun 1881, aktiviti pembuatan perahu ini telah berkembang dan berubah dari segi saiz dan rekabentuk untuk pelbagai keperluan seperti ekonomi perikanan, pengangkutan antara pulau-daratan Semporna, perdagangan dan sebagainya yang disebut sebagai “*lepa biasa*”. Hasilnya, beberapa tukang *lepa* dari beberapa buah kampong seperti Kabimbangan, Nusalalung, Sulabayan, Kabogan Laut, Tampi-Tampi, Larapan, Sumandeh, Sungai Nasib, dan Sum-Sum telah mula mengusahakan pembuatan *lepa* ini secara sepenuh masa untuk memenuhi tempahan daripada Bajau Laut, termasuk kaum Bajau dari beberapa buah pulau di perairan Semporna seperti dari Pulau Menampilik, Limau-Limau, Dinawan, Omadal, Bohey Dulang, Mabul, dan sebagainya.

Selepas tamatnya Perang Dunia II (1939-1945) dan Sabah ditadbir oleh Kerajaan British, aktiviti pembuatan *lepa* nampaknya terus berkembang, terutamanya di kampong Kabimbangan, Nusalalung, dan Tanjung Keramat. Dikatakan, *lepa* yang dibina pada waktu ini kelihatan kecil sedikit berbanding *lepa* sebelumnya dan disebut “*lepa-lepa*” dan digunakan oleh orang-orang tempatan untuk menangkap ikan di sekitar pulau-pulau di perairan Semporna menggunakan layar yang disebut sebagai *lamak boa’n* atau *lamak nitanjak* yang mempunyai lekuk pada bahagian hujung menyerupai bentuk ikan *bebang*.



Foto 6:
Lanca Bajau Laut di Pulau Mabul, Semporna



Foto 7:
Rekabentuk *Boggo* di Pulau Mabul, Semporna

Fasa kedua, perkembangan evolusi *lepa* bermula sekitar tahun 1951, apabila para tukang *lepa* di kampung Nusalalung, Kabimbangan, Sisipan, dan Omadal telah mengubah versi *lepa* lama kepada satu versi baru dari segi rekabentuknya yang dikenali sebagai *lepa nipasil* dan *lepa cantik (lanu)*. Berbeza dengan *lepa* versi lama, pembuatan *lepa* versi baru ini nampaknya mula menerapkan elemen-elemen kesenian suku kaum Bajau dalam bentuk ukiran. Contohnya, *lepa nipasil* mempunyai *lekong* dan *bansaan*, manakala *lepa cantik* tidak mempunyai *bansaan*.

Terdapat juga jenis *lepa* yang dinamakan *sappit*, yang dibuat oleh orang Bajau di Pulau Omdal dan Pulau Bum-Bum di Kampung Gusung Melanta, Sulabayan, Tundun, Egang-Egang, Kabimbangan, Hampalan, dan Tampi-Tampi. Antara jenis *sappit* yang dihasilkan, termasuklah *sappit buli kumun*, *sappit tangkop*, *sappit jebelat*, dan *sappit biruk* yang memperlihatkan beberapa perbezaan antara setiap satunya. Biasanya, *lepa* ini dipasarkan dan dihasilkan untuk keperluan orang-orang di Kepulauan Sulu dan Bajau Laut di Semporna.

Fasa ketiga, evolusi sebenar *lepa*, sepertimana *lepa* yang difahami oleh masyarakat pada hari ini, bermula pada tahun 1994 apabila tukang *lepa* mula menghasilkan tiga jenis *lepa* versi baru, iaitu *lepa nipasil*, *lepa cantik*, dan *sappit* sebagai simbol warisan suku kaum Bajau di Semporna melalui penganjuran *Regatta Lepa* di peringkat daerah Semporna dan kemudiannya dinaiktaraf sebagai acara rasmi diperingkat Sabah oleh Y.A.B. (Yang Amat Berhormat) Datuk Sakaran Dandai, selaku Ketua Menteri Sabah pada waktu itu.

Disebabkan pesta ini telah mendapat sambutan yang menggalakkan daripada para penduduk Sabah dan pelancong luar negara, maka pada tahun 2003, Kementerian Pelancongan, Kebudayaan, dan Alam Sekitar Sabah telah memasukkan pesta ini dalam kalender “Pesta Air Malaysia” sebagai antara produk pelancongan di Sabah. Dalam *Regatta Lepa* atau kadang-kadang dikenali sebagai pertandingan layar dan perahu tercantik, para penduduk dan pelancong dari dalam dan luar Sabah berpeluang untuk melihat sendiri puluhan perahu *lepa* yang mewakili oleh pelbagai kampung di Semporna bertanding untuk merebut gelaran “*lepa* tercantik” berdasarkan kepada rekabentuk *lepa*, motif ukiran, rekabentuk dan warna *sambulayang* (layar), *sambili* (bendera kecil berbentuk segiempat), *salingguru* dan *tipas-tipas* (bendera kecil berbentuk segitiga), renda, penari, dan pukulan muzik, pakaian, dan sebagainya. Selain pertandingan *lepa* tercantik, pesta ini juga dimeriahkan lagi dengan pelbagai acara laut yang lain seperti acara “lumba kelle-kelle”, tarik-tali *lepa*, lumba renang, dan menangkap itik. Pada sebelah malamnya pula, pertunjukan pentas kebudayaan akan diadakan di Padang Pekan Semporna yang dihadiri oleh tetamu ternama Sabah dan negara.

KESIMPULAN

Berdasarkan kepada kajian ini dirumuskan bahawa kekeliruan dan percanggahan pendapat mengenai milik dan warisan siapakah *lepa* dan *sambulayang* dalam kalangan suku kaum Bajau di Sabah berlaku disebabkan oleh kurangnya pemahaman terhadap sejarah asal-usul *lepa* dan *sambulayang*, kepelbagaian dalam pengistilahan, dan maksud sebenar *lepa* dan *sambulayang* dari perspektif suku kaum Bajau itu sendiri. Apa yang jelas ialah telah berlakunya evolusi nama dan rekabentuk *lepa* dan *sambulayang* dari zaman Kesultanan Sulu hingga kini. Dalam erti kata lain, istilah *lepa* yang dimaksudkan pada masa kini sebenarnya adalah merujuk kepada satu jenis *lepa* yang dikenali sebagai *lepa cantik* sahaja yang digunakan oleh suku kaum Bajau untuk tujuan acara kebudayaan (*regatta lepa*) dan tidak lagi merujuk kepada pelbagai jenis perahu buatan suku kaum Bajau terdahulu.

Rajah 7:
Lepa Sebenar (Lepa Cantik)



Sumber: http://pkmsabah.blogspot.com/2010/01/lepa-motif-struktur-dan-ragam-bentuk_15.html (9/10/2009).

Pada hari ini, pembuatan *lepa* dan *sambulayang* dalam kalangan suku kaum Bajau di Semporna nampaknya bukan lagi untuk keperluan seharian tetapi lebih bertujuan untuk acara kebudayaan sahaja, iaitu dipersembahkan dalam *Regatta Lepa* Semporna yang telah diwartakan sebagai acara rasmi Sabah dan dijadikan sebagai salah satu produk pelancongan Sabah yang diadakan pada bulan April setiap tahun, bermula pada tahun 1994 dan dimasukkan dalam kalender “Pesta Air Malaysia” pada tahun 2003.

Bibliografi

- Dalrymple, Alexander. (1808). *Oriental Repertory*. London: n.p.
- Forrest, Thomas. (1792). *A Voyage from Calcutta to the Mergui Archipelago Lying on the East Side of the Bay of Bengal*. London: G. Scott.
- Gunsi Saat. (2008). *Suku Etnik Bajau: Urbanisasi, Perubahan, dan Pembangunan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- http://pkmsabah.blogspot.com/2010/01/lepa-motif-struktur-dan-ragam-bentuk_15.html [diakses di Kota Kinabalu, Sabah: 9 Oktober 2009].
- http://www.royalpanji.net/sulu_sultanate_flags_-_4.html [diakses di Kota Kinabalu, Sabah: 9 Oktober 2009].
- Lawrence, Kintau. (2010). “Lepa, Motif, Struktur dan Ragam Bentuk”. Wujud dalam talian http://pkmsabah.blogspot.com/2010/01/lepa-motif-struktur-dan-ragam-bentuk_15.html [diakses di Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia: 9/10/2010].

- Sather, Clifford. (1997). *The Bajau Laut: Adaptation, History and Fate in a Maritime Fishing Society of South Eastern Sabah*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Sopher, D.E. (1965). *The Sea Nomads: A Study of the Maritime Boats People of Southeast Asia*. Singapore: National Muzeum Singapore.
- Temubual bersama Haji Bokara Maharaja Onong, mengenai sejarah dan asal-usul *lepa* dan *sambulayang*, di Semporna, Sabah, Malaysia, bertarikh 14 Mac 2009.
- Temubual bersama Haji Musari Eddeh, mengenai pembuatan *lepa* dan *sambulayang*, di Kampung Kabimbangan, Pulau Bum-Bum, Sabah, Malaysia, bertarikh 14 Mac 2009.
- Temubual bersama Imam Malang Imam Jamlang, mengenai susur-galur suku kaum Bajau di Sabah, di Pulau Omdal, Sabah, Malaysia, bertarikh 15 Mac 2009.
- Temubual bersama Haji Bokara, mengenai susur-galur suku kaum Bajau di Sabah, di Pulau Bum-Bum, Sabah, Malaysia, bertarikh 14 Mac 2009.
- Warren, Carol. (1983). *Ideology, Identity, and Change: The Experience of the Bajau Laut of East Malaysia, 1969-1975*. Townsville, Queensland: James Cook University of North Queensland, Southeast Asian Monograph Series 14.
- Warren, Francis James. (1972). "The North Borneo Chartered Company's Administration of the Bajau, 1878-1909" dalam *Sabah Society Journal*, Vol.5.
- Warren, Francis James. (1981). *The Sulu Zone, 1768-1898: The Dynamic of External Trade, Slavery, and Ethnicity in the Transformation of A Southeast Asian Maritime State*. Singapore: Singapore University Press.
- Warren, James Francis. (2000). *The Global Economy and the Sulu Zone: Connections, Commodities, and Culture*. Quezon City: New Day Publishers.
- Warren, James Francis. (2002). *Iranun and Balangingi: Globalization, Maritime Raiding, and the Birth of Ethnicity*. Quezon City: New Day Publishers.
- Yap Beng Liang. (1993). *Orang Bajau Pulau Omdal*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.